

Masyarakat harus tahu kaedah betul cegah kebakaran

Statistik berhubung kejadian kebakaran yang berlaku setiap tahun menunjukkan angka yang membimbangkan. Rekod kebakaran dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Januari hingga Mac 2014 mendapati Johor adalah negeri tertinggi dengan 4,888 panggilan kebakaran dan kerugian yang mencecah sebanyak RM29,793,130. Kedah pula adalah negeri kedua tertinggi dengan 3,747 panggilan dan kerugian sebanyak RM11,940,044.

Menurut Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pada tahun 2014, sebanyak 19,399 kejadian kebakaran adalah disebabkan oleh lain-lain punca manakala 1,150 akibat puntung rokok dan 610 daripada elektrik.

Amal sikap berhati-hati

Kerugian teruk akibat kebakaran masih boleh dikawal jika orang ramai mengamalkan sikap berhati-hati dalam semua perkara. Kebakaran yang berlaku juga adalah disebabkan faktor sikap manusia yang panik apabila melihat kebakaran yang baru bermula sedangkan api itu masih kecil dan boleh dikawal daripada merebak.

Orang ramai juga harus mengetahui kaedah betul dalam mencegah kebakaran, selain menunggu bomba. Walaupun pendidikan awal berkenaan kaedah memadam kebakaran sudah didedahkan, masih ada yang belum berani apabila berhadapan kejadian sebenar, malah lebih ramai yang mengambil keputusan melarikan diri daripada kebakaran.

Menurut Pelan Tindakan Menghadapi Kebakaran Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan Perbeniharaan Malaysia, jika berlaku kebakaran pada peringkat kecil, individu yang terserempak atau melihat kebakaran harus membunyikan penggera kebakaran dan kemudian cuba memadamkan api menggunakan alat pemadam api.

Jika berlaku kebakaran pada peringkat kecemasan, haruslah membunyikan penggera amaran keselamatan dan bertindak pantas menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Selagi mana kita berupaya mencegah dari terbabit dengan kebakaran, selagi itu kita harus berusaha mencegahnya, di samping mengamalkan sikap berhati-hati.

Nursharina Said,
Universiti Sains Islam Malaysia.

“*Walaupun pendidikan awal berkenaan kaedah memadam kebakaran sudah didedahkan, masih ada yang belum berani apabila berhadapan kejadian sebenar*”